

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Koperasi punyai potensi besar utk maju: PM

KUALA TERENGGANU, Ahad — Gerakan Koperasi mempunyai potensi yang besar dalam usaha memajukan sosio-ekonomi rakyat dan negara, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam perutusannya, sempena perayaan Hari Koperasi Antarabangsa ke-60 peringkat Negeri Terengganu, beliau berkata, penglibatan rakyat secara aktif dan bertanggungjawab dengan berlandaskan falsafah koperasi yang kukuh dan progresif akan dapat meneguhkan asas sosial dan ekonomi negara.

Tambahnya, ini tidak dapat tiada akan menjadi sumbangan yang besar kepada masa depan kita yang lebih cemerlang.

Beliau menyeru semua pemimpin koperasi di negara ini agar tekun berusaha memajukan gerakan tersebut.

Katanya, sifat kepimpinan yang cekap, bersih, dan amanah mestilah dipupuk supaya menjadi sifat dan asas gerakan koperasi.

"Selama ini kita hanya menumpukan perhatian kepada gerakan koperasi di negara-negara barat", katanya.

Dalam buku cenderamata sempena Hari Koperasi di sini semalam.

Turut memberi perutusan dalam buku cenderamata ialah Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Datuk Sanusi Junid.

Menurut Datuk Sanusi, tujuan utama gerakan koperasi ialah memberi perkhidmatan kepada rakyat dan negara mengikut Dasar Ekonomi Baru.

Katanya, kegiatan koperasi adalah untuk kepentingan bersama bukan sekadar mencari kesempatan bagi kepentingan diri sendiri.

Tambahnya, dengan ahli 1.5 juta tahun ini merupakan satu detik permulaan era baru dalam sejarah gerakan koperasi di negara ini.

Antara acara perayaan Hari Koperasi ialah pameran mengenai koperasi, persembahan kebudayaan, dan ceramah koperasi.

No. Siri

No. Penerima